



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 17 Tahun 2025

**IKLAN PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI STAF
BUKAN AKADEMIK UNIVERSITI AWAM UNTUK MENGIKUTI PENGAJIAN DI
PERINGKAT SARJANA, SARJANA PERUBATAN DAN KEDOKTORAN
SECARA SEPENUH MASA BAGI TAHUN 2026**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pembukaan tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kepada Staf Bukan Akademik dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Universiti Awam serta Hospital Pengajar Universiti untuk mengikuti pengajian kursus-kursus jangka panjang secara sepenuh masa di peringkat Sarjana, Sarjana Perubatan dan Kedokteran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang terpilih di dalam negara bagi tahun 2026.
2. Universiti Teknologi MARA (UiTM) mempelawa Staf Pentadbiran UiTM di Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 dan ke atas) yang berminat dan memenuhi syarat kelayakan untuk membuat permohonan mengikut tatacara yang dinyatakan dalam pekeliling ini.

LATAR BELAKANG

3. Surat Kementerian Pendidikan Tinggi bertarikh 02 Oktober 2025 telah memaklumkan berkenaan pelawaan permohonan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Universiti Awam serta Hospital Pengajar Universiti untuk mengikuti pengajian di peringkat Sarjana, Sarjana Perubatan dan Kedokteran secara sepenuh masa bagi tahun 2026.

4. Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia UiTM (JKI-PKSM) Bilangan 76 Tahun 2025 bertarikh 17.10.2025 telah mengesahkan senarai bidang pengajian yang akan ditawarkan bagi staf pentadbiran dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di UiTM serta syarat-syarat permohonan tawaran penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk mengikuti pengajian di peringkat Sarjana, Sarjana Perubatan dan Kedoktoran secara sepenuh masa bagi tahun 2026. Mesyuarat juga bersetuju bidang pengajian dicadangkan tidak terhad kepada bidang yang disenaraikan dan juga turut mengambil kira bidang-bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan UiTM.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

5. Syarat Umum

- 5.1 Pegawai-pegawai yang diperakukan hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

6. Syarat Khusus

- 6.1 Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) (**Gred 9 dan ke atas**) **lantikan tetap** di UiTM.
- 6.2 Telah **disahkan dalam perkhidmatan** pada **01 Januari 2025**.
- 6.3 Tempoh perkhidmatan minimum pegawai dalam kumpulan P&P (Gred 9 dan ke atas) pada 01 Januari 2025 adalah 3 tahun ke atas.
- 6.4 Mencapai purata markah minimum **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir berturut-turut (2022, 2023 dan 2024)** dalam skim perkhidmatan terkini. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan.

- 6.5 Pada **01 Januari 2026**, pegawai mestilah berumur tidak lebih daripada **43 tahun** bagi pengajian peringkat kedoktoran (Ph.D) dan **45 tahun** bagi pengajian peringkat Sarjana.
- 6.6 Kursus yang diikuti adalah **berkaitan dengan tugas pegawai** dan diperlukan demi kepentingan perkhidmatan. Senarai bidang yang disyorkan oleh UiTM mengikut skim perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran C**.
- 6.7 Permohonan disokong oleh Ketua Jabatan dan Ketua Skim Perkhidmatan serta diperakukan oleh UiTM.
- 6.8 **Bagi permohonan Peringkat Pengajian Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran**, pegawai hendaklah:
- 6.8.1 Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan (pencapaian **CGPA minimum 2.75**) bagi pengajian peringkat Sarjana;
 - 6.8.2 Ijazah Sarjana dengan pencapaian **PNGK yang baik** bagi mod pengajian kerja kursus atau campuran (Kerja Kursus dan Tesis) atau **Lulus bagi mod pengajian secara penyelidikan** bagi melanjutkan pengajian di peringkat Kedoktoran (PhD);
- 6.9 Bagi permohonan peringkat **Sarjana Perubatan**, pegawai hendaklah:
- 6.9.1 Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) bagi Pegawai Perubatan di Hospital Pengajar Universiti;
 - 6.9.2 Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas pendaftaran penuh Majlis Perubatan Malaysia bagi Pegawai Perubatan di Hospital Pengajar Universiti; dan
 - 6.9.3 Pegawai perlu lulus *Medical Specialist Pre-Entrance Exam* (MEDEX) sebagai salah satu syarat bagi kemasukan Universiti Awam.
 - 6.9.4 Belum memiliki kelajakan ijazah Lanjutan di peringkat yang dipohon tanpa mengira bidang pengkhususan dan hanya dibenarkan memohon kursus pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki.
 - 6.9.5 Tidak mempunyai rekod cuti belajar dalam peringkat yang dipohon.

- 6.9.6 Masih belum mendapat tempat di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi di dalam negara atau telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi. Senarai Institusi adalah seperti di **Lampiran A**.
- 6.9.7 **Tidak dibenarkan** melanjutkan pengajian di universiti yang sama dengan tempat pegawai berkhidmat (**pengecualian** kepada Pegawai Perubatan di Hospital Pengajar Universiti bagi kategori Klinikal).
- 6.9.8 Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/ pendek sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam iklan tawaran KPT.

Tempoh Kursus yang telah diikuti	Tempoh Menunggu untuk mengikuti Kursus jangka panjang yang berikutnya (sehingga 01 Januari 2025)
Lebih daripada 12 bulan	Dua (2) tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Satu (1) tahun

- 6.9.9 Telah mengisytiharkan harta (termasuk pengisytiharan harta tambahan) dalam tempoh lima (5) tahun terkini mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa.
- 6.9.10 Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman PTPTN atau Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP).
- 6.9.11 Bebas daripada sebarang pertuduhan/ tindakan tatatertib/ dakwaan Mahkamah.
- 6.9.12 Tidak menerima sebarang bentuk penajaan daripada mana-mana penaja lain.
- 6.9.13 Bebas daripada sebarang penyakit kronik dan penyakit berjangkit. Senarai penyakit kronik adalah seperti di **Lampiran B**.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

7. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh majikan (UiTM) dan penaja (KPT).

8. Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya **memperakukan calon yang boleh dilepaskan untuk bercuti belajar** pada tahun 2026 kelak.

9. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Ketua Jabatan berjaya ditawarkan HLP ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan cuti belajar kepada mereka untuk menjalani pengajian. Untuk makluman, pelepasan calon untuk bercuti belajar adalah dengan tanpa penggantian untuk jawatan berkenaan sehingga calon tamat cuti belajar.

PELAKSANAAN

10. Tatacara permohonan adalah seperti berikut:

10.1 Permohonan adalah secara dalam talian di laman web Bahagian Biasiswa, KPT <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php>. Walau bagaimanapun, **permohonan hendaklah terlebih dahulu melalui Unit Kemajuan Kerjaya (UKK), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar bagi perakuan majikan.**

10.2 Sebelum memulakan permohonan, calon perlu memastikan syarat-syarat permohonan adalah dipenuhi dan memohon mengikut bidang yang disyorkan oleh pihak UiTM sahaja seperti di **LAMPIRAN C**.

10.3 Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan oleh pemohon kepada Unit Kemajuan Kerjaya adalah seperti berikut:-

Bil.	Dokumen	Tindakan
i.	Borang Pelepasan Permohonan Biasiswa HLP	Lengkap ditandatangani oleh Ketua PTJ dan Ketua Skim Perkhidmatan
ii.	Pengesahan Pengisytiharan Harta dan tarikh Pengisytiharan Harta yang terkini.	Dicetak dari Sistem HR2U dan disahkan benar
iii.	Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan	• Tahun 2024, 2023 dan 2022 (hendaklah genap 12 bulan) • Dicetak dari Sistem HR2U dan disahkan benar

Bil.	Dokumen	Tindakan
iv.	Transkrip Ijazah Pertama dan/atau Sarjana ATAU kedua-duanya	Satu salinan yang disahkan benar dari salinan asal
v.	Deskripsi Tugas terkini	Satu salinan yang disahkan benar
vi.	Kertas Cadangan Penyelidikan* dan Borang Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan UiTM <i>*Rujuk Panduan Penyediaan Kertas Cadangan oleh KPT</i>	- Pembentangan kepada Ketua Skim/ Wakil Skim Perkhidmatan dan melengkapkan Borang Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan. - Kertas Cadangan Penyelidikan disemak dan disahkan oleh Ketua/ Wakil Skim Perkhidmatan. - Cadangan Penyelidikan mestilah berkaitan dengan bidang tugas dan memberi impak ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. - Kulit depan kertas cadangan mestilah mengikut format yang ditetapkan.
vii.	Borang Perakuan Ketua Jabatan (Borang KPT (HLPsBA) 1A/141/6)	- Ruangan A, B dan C pada borang tersebut hendaklah diisi oleh pemohon. - Ruangan Ketua Jabatan ditandatangani oleh Ketua PTJ calon manakala ruangan Pendaftar dan Pegawai Melulus Cuti Belajar ditandatangani oleh UKK.

- 10.4 Dimaklumkan bahawa temu duga akan dilaksanakan oleh KPT dan permohonan calon-calon yang berjaya di peringkat KPT akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM), UiTM untuk kelulusan cuti belajar.
- 10.5 Sukacita diingatkan permohonan yang **tidak melalui UKK tidak akan diproses** untuk mendapatkan kelulusan cuti belajar.
- 10.6 Permohonan yang tidak menepati syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar, tidak lengkap, dokumen sokongan yang tidak disahkan atau borang permohonan yang lewat diterima juga tidak akan dipertimbangkan untuk diproses di peringkat majikan.

- 10.7 Calon perlu membuat satu salinan untuk simpanan peribadi bagi setiap dokumen untuk dimuat naik dalam laman web KPT dan sebelum dihantar ke UKK.
- 10.8 Kesemua dokumen sokongan serta Borang Perakuan Ketua Jabatan (KPT) hendaklah dimuat naik kembali di <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php> dan permohonan adalah dianggap lengkap dan telah dihantar apabila pemohon menekan butang '**Sah & Hantar**' pada paparan yang disediakan.
- 10.9 **Tarikh akhir penerimaan dokumen lengkap** di Unit Kemajuan Kerjaya adalah pada **5 November 2025 (Rabu), jam 5.00 petang.**
- 10.10 Permohonan perlu menepati tempoh masa yang ditetapkan bagi melancarkan proses perakuan di peringkat majikan sebelum dimuat naik di sistem KPT. Permohonan yang diterima melepasi tempoh masa yang ditetapkan tidak akan diproses untuk perakuan oleh pihak majikan. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

TARIKH DIKELUARKAN

11. Pekeliling dikeluarkan pada 27 Oktober 2025.


12. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 27 Oktober 2025.

اوسها، نقوى، موليا

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN (MMIHRM)
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Naib Canselor
Semua Dekan/ Fakulti/ Akademi/ Institut
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : UiTM.100-1/3/7
No Siri : 100-JPD(Bil. 17/2025)

**SENARAI INSTITUSI DALAM NEGARA UNTUK PERMOHONAN HADIAH
LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI STAF BUKAN AKADEMIK UNIVERSITI AWAM
DAN HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

BIL.	KATEGORI	INSTITUSI
1.	Universiti Awam	i. Universiti Malaya (UM) ii. Universiti Sains Malaysia (USM) iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iv. Universiti Putra Malaysia (UPM) v. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) vi. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) vii. Universiti Utara Malaysia (UUM) viii. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ix. Universiti Malaysia Sabah (UMS) x. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) xi. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) xii. Universiti Teknologi MARA (UiTM) xiii. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) xiv. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) xv. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) xvi. Universiti Malaysia Pahang Al - Sultan Abdullah (UMPSA) xvii. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) xviii. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) xix. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) xx. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
2.	Hospital Pengajar Universiti	i. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) ii. Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM, UKM) iii. Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HUSM) iv. Sultan Ahmad Shah Medical Centre, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (SASMEC, UIAM) v. Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (HSAAS, UPM) vi. Hospital Al - Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA (HASA, UiTM) vii. Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (HPKK, UKM) viii. Hospital Sultan Zainal Abidin (HoSZA) ix. Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) x. Hospital Pengajar dan Pusat Perubatan Universiti Malaysia Sarawak

LAMPIRAN A

BIL.	KATEGORI	INSTITUSI
3.	Government Linked Universities (GLU)	i. Universiti Teknologi Petronas (UTP) ii. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) iii. Universiti Multimedia (MMU) iv. Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
4.	Kampus Cawangan Luar Negara (KCLN)	i. Monash University Malaysia ii. University of Southampton Malaysia iii. University of Nottingham Malaysia iv. University of Reading Malaysia v. Curtin University Malaysia vi. Heriot-watt University Malaysia vii. Swinburne University of Technology Sarawak Campus

SENARAI PENYAKIT KRONIK

1. Kanser;
2. Serangan jantung;
3. Pulmonary Hypertension;
4. Sakit buah pinggang yang kronik;
5. Sakit hati (liver) yang kronik;
6. Fullminant Viral Hepatitis;
7. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
8. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
9. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
10. Pemindahan organ utama;
11. Penyakit Parkinson;
12. Penyakit HIV dan Aids;
13. Pemindahan kaki dan/atau tangan;
14. Skizofrenia; dan
15. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

Lampiran C

SENARAI UNJURAN BIDANG PENGAJIAN BAGI PERMOHONAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (TAHUN 2018-2025) BAGI STAF BUKAN AKADEMIK UiTM

SKIM PERKHIDMATAN: B (Penerbit Rancangan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: B (Pegawai Kebudayaan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: B (Ahli Muzik)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: B (Pereka)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: C (Pegawai Sains)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Science	Sarjana & PhD
2	Biomedical Science	PhD

SKIM PERKHIDMATAN: F (Pegawai Teknologi Maklumat)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Database System	Sarjana
2	IT Management - Strategic Planning	Sarjana
3	Software Engineering - Enterprise Architecture	Sarjana
4	Computer Network Parallel & Distributed Computing	Sarjana
5	Security in Computing	Sarjana
6	Intelligent Computing	Sarjana
7	Knowledge Management	Sarjana
8	ICT Project Management	Sarjana
9	Information Systems	Sarjana
10	Database System	PhD
11	IT Management-Strategic Planning	PhD
12	Software Engineering-Enterprise Architecture	PhD
13	Computer Network Parallel & Distributed Computing	PhD
14	Security in Computing	PhD
15	Intelligent Computing	PhD
16	Knowledge Management	PhD
17	ICT Project Management	PhD
18	Information Systems	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: G (Pengurus Taman / Ladang)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Teknologi Pertanian	Sarjana dan PhD
2	Agri Business	Sarjana dan PhD
3	Plantation Industry Management	Sarjana dan PhD
4	Agronomi	Sarjana dan PhD

SKIM PERKHIDMATAN: GV (Pegawai Veterinar)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Perubatan Veterinar Patologi	Sarjana
2	Perubatan Veterinar Teriogenologi	Sarjana
3	Sains Veterinar Anatomi dan Histologi	Sarjana
4	Sains Veterinar Anestesiologi dan Analgesia	Sarjana
5	Sains Veterinar Epidemiologi dan Kesihatan Awam	Sarjana
6	Sains Veterinar Patologi	Sarjana
7	Sains Veterinar Teriogenologi dan Sitogenetik	Sarjana
8	Sains Veterinar Genetik dan Pembiakbakaan	Sarjana
9	Sains Veterinar Toksikologi dan Farmakologi	Sarjana
10	Sains Veterinar Biologi Molekul dan Kejuruteraan Genetik	Sarjana
11	Sains Perubatan Haiwan Makmal	Sarjana
12	Sains Fisiologi Haiwan	Sarjana
13	Sains Bakteriologi	Sarjana
14	Sains Parasitologi	Sarjana
15	Sains Virologi	Sarjana
16	Anatomi dan Histologi	PhD
17	Anestesiologi dan Analgesia	PhD
18	Epidemiologi dan Kesihatan Awam	PhD
19	Patologi	PhD
20	Teriogenologi dan Sitogenetik	PhD
21	Genetik dan Pembiakbakaan	PhD
22	Toksikologi dan Farmakologi	PhD
23	Biologi Molekul dan Kejuruteraan Genetik	PhD
24	Perubatan Haiwan Makmal	PhD
25	Fisiologi Haiwan	PhD
26	Bakteriologi	PhD
27	Parasitologi	PhD
28	Virologi	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: J (Jurutera)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: J (Juruukur Bahan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: J (Arkitek)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD

SKIM PERKHIDMATAN: J (Juruukur Bangunan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: KP (Pegawai Keselamatan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: L (Pegawai Undang-Undang)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: N (Pegawai Tadbir)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Governan	Sarjana
2	Kepimpinan	Sarjana
3	Governan	PhD
4	Kepimpinan	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: N (Pegawai Tadbir Bidang Hal Ehwal Islam)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Syariah (Psikospiritual)	Sarjana
2	Syariah (Pengurusan Harta)	Sarjana
3	Syariah (Undang-Undang Keluarga)	Sarjana
4	Usuluddin (Dakwah dan Pembangunan Insan)	PhD
5	Pengajian Islam Kontemporari (Pentadbiran & Pengurusan Islam)	PhD
6	Syariah (Fiqh Usul)	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: N (Pegawai Tadbir Bidang Penerbitan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Master of Publishing Studies	Sarjana
2	Master of Art in Media and Information Warfare Studies	Sarjana
3	Doctor of Philosophy (Publishing Studies)	PhD
4	Doctor of Philosophy in Media and Information Warfare Studies	PhD
5	Doctor of Philosophy (Communication & Media Studies)	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: N (Pegawai Tadbir Bidang Kokurikulum)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Pendidikan / Komunikasi / Pengurusan / Sains Sosial	Sarjana
2	Pendidikan / Komunikasi / Pengurusan / Sains Sosial	PhD

SKIM PERKHIDMATAN: N (Pegawai Tadbir Bidang Perangkaan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Applied Statistic	Sarjana
2	Quantitative Science	Sarjana
3	PhD in Statistic	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: N (Pegawai Tadbir Bidang Kurator)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Arts Management (Visual Arts)	Sarjana
2	Education Management (Arts)	Sarjana
3	Education Management (Museum and Gallery Studies)	PhD
4	Education Management (Arts Education)	PhD
5	Education Management (Fine Arts)	PhD
6	Education Management (Creative Studies)	PhD
7	Educational Technology	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: N (Pegawai Tadbir Bidang Arkib)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: N (Pengurus Asrama)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: Q (Pegawai Penyelidik)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: S (Pustakawan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Mater of Library and Information Science	Sarjana
2	Maste of Science in Records and Documents Management	Sarjana
3	Master of Social Science (Communication Management)	Sarjana
4	Master of Science (Data Science and Analytics)	Sarjana
5	Master of Artificial Intelligence	Sarjana
6	Docor of Philosophy in Library and Information Science	PhD
7	Docor of Philosophy in Library Management	PhD
8	Docor of Philosophy in Digital Library	PhD

SKIM PERKHIDMATAN: S (Pegawai Belia & Sukan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Sains Sukan	Sarjana
2	Pengurusan Sukan	Sarjana
SKIM PERKHIDMATAN: S (Pegawai Psikologi)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Perubatan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Sarjana Perubatan Keluarga (Family Medicine)	Sarjana
2	Sarjana Kesihatan Awam (Public Health)	Sarjana
3	Kesihatan Awam	PhD

SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Perubatan) (HASA UITM)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Kesihatan Keluarga	Sarjana
2	Kesihatan Awam	Sarjana
3	Master in Hospital Management & Health Economy	Sarjana
4	Master in Occupational Safety & Health Management	Sarjana
5	Pembedahan Am	Sarjana Kepakaran
6	Perubatan	Sarjana Kepakaran
7	Anesthesiologi	Sarjana Kepakaran
8	Perubatan Kecemasan	Sarjana Kepakaran
9	Otorhinolaryngology, Head & Neck Surgery	Sarjana Kepakaran
10	Ortopedik	Sarjana Kepakaran
11	Obstetrik & Ginekologi	Sarjana Kepakaran
12	Pediatric	Sarjana Kepakaran
13	Pembedahan Plastik / CVTS	Sarjana Kepakaran
14	Psikiatri	Sarjana Kepakaran
15	Oftalmologi	Sarjana Kepakaran
16	Primary Care	Sarjana Kepakaran
17	Onkologi	Sarjana Kepakaran
18	Perubatan Pemulihan	Sarjana Kepakaran
19	Oral/ Dental Science	Sarjana
20	Pergigian Kesihatan Awam (Dental Public Health)	Sarjana
21	Periodontik (Periodontology)	Sarjana
22	Master in Occupational Therapy (Coursework)	Sarjana
23	Master of Health Science	Sarjana
24	Clinical Pharmacy	Sarjana
25	Pharmacy Practice/ Social & Administrative Pharmacy	Sarjana
26	Toxicology	Sarjana
27	Master of Clinical Optometry	Sarjana
28	Master of Orthoptics	Sarjana
29	Master of Low Vision and Rehabilitation	Sarjana
30	Master in Contact Lens	Sarjana
31	Master in Clinical Dietetics/Nutrition	Sarjana
32	Master in Community Nutrition	Sarjana
33	Master in Health Education/Health Promotion	Sarjana
34	Master in Nursing	Sarjana
35	Master in Healthcare Management	Sarjana
36	Sarjana Pengimejan Perubatan	Sarjana
37	Medical Imaging	Sarjana
38	Healthcare Management	Sarjana
39	Pergigian Kesihatan Awam (Dental Public Health)	PhD
40	Klinikal: Peridontology/ Orthodontic/ Special Care Dentistry / Prosthodontic	PhD
41	Pharmacotherapy (Critical Care/ Cardiology/ Paediatric/ Infectious Disease/ Renal)	PhD
42	Pharmacy Practice/ Social & Administrative Pharmacy	PhD
43	Doctor of Clinical Science (Occupational Therapy)	PhD
44	PhD of Optometry	PhD
45	Doctor of Philosophy (Dietetics)	PhD
46	Doctor of Philosophy (Nutrition)	PhD
47	Doktor FalsafahSains Forensik	PhD

SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Pergigian)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Pergigian) (HASA UiTM)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana Kepakaran
SKIM PERKHIDMATAN: U (Juru X-Ray) (HASA UiTM)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana
SKIM PERKHIDMATAN: UF (Pegawai Farmasi)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Clinical Pharmacy	Sarjana
2	Toxicology	Sarjana
3	Pharmacotherapy (Critical Care/ Cardiology/ Paediatric/ Infectious Disease/ Renal)	Sarjana
4	Pharmacy Practice/ Social & Administrative Pharmacy	Sarjana
5	Pharmacoeconomic (Permohonan Baru 2026)	Sarjana
6	Clinical Pharmacy	PhD
7	Toxicology	PhD
8	Pharmacotherapy (Critical Care/ Cardiology/ Paediatric/ Infectious Disease/ Renal)	PhD
9	Pharmacy Practice/ Social & Administrative Pharmacy	PhD
10	Pharmacoeconomic (Permohonan Baru 2026)	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: U (Jururawat) (HASA UiTM)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Dietetik)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD

SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Dietetik) (HASA UiTM)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Umum/Terbuka (Tertakluk kepada bidang yang berkaitan dengan keperluan dan kompetensi skim perkhidmatan staf dan disokong oleh Ketua Skim Perkhidmatan)	Sarjana dan PhD
SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Optometri)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Clinical Optometry	Sarjana
2	Orthoptics / Binocular Vision and Vision Therapy	Sarjana
3	Low Vision and Rehabilitation	Sarjana
4	Contact Lens	Sarjana
5	Pediatric Optometry	Sarjana
6	Health Science (Optometry)	Sarjana
7	Optometry	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Optometri)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Clinical Optometry	Sarjana
2	Orthoptics / Binocular Vision and Vision Therapy	Sarjana
3	Low Vision and Rehabilitation	Sarjana
4	Pediatric Optometry	Sarjana
5	Contact Lens	Sarjana
6	Health Science (Optometry)	Sarjana
7	Optometry	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Optometri) (HASA UiTM)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Health Science (Optometry)	Sarjana
2	Orthoptics	Sarjana
3	Low Vision and Rehabilitation	Sarjana
4	Contact Lens	Sarjana
5	Optometry	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: U (Pegawai Pemulihan Perubatan) (HASA UiTM)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Health Sciences	Sarjana & PhD

SKIM PERKHIDMATAN: W (Pegawai Kewangan)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Master of Accounting and CIMA (Corporate & Financial Accounting)	Sarjana
2	Master of Business Administration (Business & Investment)	Sarjana
3	Master of Islamic Banking	Sarjana
4	Audit & Corporate Governance	Sarjana
5	Auditing	Sarjana
6	Certified Internal Auditor	Sarjana
7	Master of Accountancy	Sarjana
8	Master of Financial Criminology	Sarjana
9	Accounting (Accountability & Management Control, Sustainability Accounting, Management Accounting Sustainability, Intellectual Capital, Financial Analysis & Policy, Financial Sustainability, Financial Technology, Corporate Governance, Taxation)	PhD
10	Management (Risk Management)	PhD
SKIM PERKHIDMATAN: W (Juruaudit)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Data Science & Analytics	Sarjana
2	Accountancy	Sarjana
3	Forensic Accounting & Financial Criminology	Sarjana
4	Strategic Management Accounting CIMA Professional Qualification	Sarjana
5	Science Statistics	Sarjana
6	Computer Science (Information Security)	Sarjana
SKIM PERKHIDMATAN: W (Pegawai Penilaian)		
Bil.	Bidang Pengajian	Peringkat
1	Real Estate Investment, Economics, & Finance	Sarjana dan PhD